

14 MAY 2003

Agong-Islam

UMAT ISLAM DISARAN KIKIS TANGGAPAN SALAH TERHADAP TUNTUTAN AGAMA

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail hari ini bertitah umat Islam di negara ini perlu mengikis tanggapan salah terhadap urusan keagamaan.

"Terdapat sesetengah pihak yang bertanggapan salah bahawa urusan Islam hanyalah pada perkara-perkara seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan sebagainya.

"Manakala urusan lain seperti ekonomi, pembangunan sosial, keselamatan dan lain-lain yang melibatkan keperluan dunia ini bukanlah tuntutan Islam," titah Seri Paduka semasa merasmikan sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan di Stadium Putra, Kompleks Sukan Bukit Jalil di sini.

Tuanku Syed Sirajuddin bertitah pemikiran seumpama itu adalah salah kerana urusan yang melibatkan keperluan dunia juga adalah tuntutan Islam dan sebahagian besarnya termasuk dalam bidang fardhu kifayah.

Fardhu kifayah itu juga satu perkara yang wajib ditunaikan oleh umat Islam, khususnya oleh pihak pemerintah sebagai pihak yang diberi kuasa mentadbir, titahnya.

Menurut Seri Paduka usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang telah mencapai tahap yang membanggakan di kalangan negara-negara Islam dan negara membangun yang lain, dilihat sebagai model yang ingin diikuti.

"Sudah tentu kita amat berbangga dengan pencapaian ini dan semestinya kedudukan ini harus dipertingkatkan dari semasa ke semasa dengan semua pihak terus berusaha melaksanakan tanggungjawab masing-masing," titahnya.

Seri Paduka mengingatkan bahawa kebahagiaan dunia dan akhirat tidak datang sendiri tanpa umat Islam mengusahakannya.

Tuanku Syed Sirajuddin turut menyeru umat Islam di negara ini supaya terus mempertingkatkan pencapaian yang dinikmati sekarang agar umat Islam dan negara ini akan terus cemerlang.

Dalam konteks kehidupan umat Islam di negara ini, melalui Islam dan keimanan, rakyat di negara ini dapat melaksanakan segala suruhan dengan baik dalam suasana yang aman tanpa gangguan.

"Pihak kerajaan yang memikul tanggungjawab mentadbir negara dan rakyat sejak dahulu lagi telah merancang dan melaksanakan pelbagai program kemajuan dan pembangunan," titah Seri Paduka.

Program-program itu meliputi semua urusan dan bidang seperti yang dituntut oleh ajaran Islam seperti urusan fardhu ain dan fardhu kifayah yang dilaksanakan melalui jentera pentadbiran di semua peringkat.

Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid turut berangkat menghadiri majlis sambutan Maulidur Rasul 1424H itu. Yang turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood.

Hadir sama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman dan menteri-menteri Kabinet serta duta dan perwakilan asing beragama Islam di negara ini.

-- BERNAMA

FA HS PR